



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**28 APRIL 2022 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**28 APRIL 2022 (KHAMIS)**

## Sektor peruncitan mampu capai RM500 bilion tahun ini

**Nilai:** Sektor ekonomi terutama peruncitan dalam negara ketika ini menunjukkan perkembangan positif sebaik peralihan ke Fasa Endemik bermula 1 April lalu dan mampu mencapai angka RM500 bilion tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata di bawah fasa peralihan itu, kerajaan memberi lebih banyak longgaran kepada pihak industri peruncitan dan juga

pengguna.

Katanya, penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang kita perlu patuhi sepanjang dua tahun lalu menggantikan kepada siri garis panduan untuk kita hidup dan bekerja secara selamat dengan Covid-19.

"Saya amat gembira dengan perkembangan sektor ekonomi dalam negara ketika ini ketika peralihan fasa endemik ini apabila industri peruncitan kembali bernafas,

"Inilah masa yang terbaik untuk kita semua kembali merencanakan perniagaan masing-masing dengan mengadakan tawaran istimewa sempena musim perayaan yang bakal menjelang.

"Suasana kemeriahan dan kerancangan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini adalah kesan langsung daripada fasa peralihan itu," katanya ketika Melancarkan Program Jualan Malaysia 2022 Rancak Aidilfitri di Aeon Mall, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Mohd Yusof; Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Roziah Abudin dan Pengerusi Aeon Malaysia, Datuk Iskandar Sarudin.

Beliau berkata, sumbangan sektor peruncitan adalah sangat signifikan kepada pemulihan ekonomi negara.

Menurutnya, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang terkini, pres-

tasi sektor perdagangan dan pengedaran bagi Februari 2022 merekodkan nilai jualan berjumlah RM48.8 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Saya percaya pencapaian ini dapat dipertingkatkan lagi dengan sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya pemain industri peruncitan dan rakyat Malaysia amnya.

"Pencapaian ini juga tentunya didorong oleh pembukaan sektor ekonomi yang

lebih menyeluruh dengan disokong oleh perbelanjaan domestik yang cukup di musim perayaan khususnya pada Tahun Baru Cina baru-baru ini.

"Oleh itu, saya sangat berharap sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan dapat merencanakan lagi sumbangan sektor peruncitan kepada ekonomi negara dan dapat menyumbang kepada sasaran nilai jualan sebanyak RM500 bilion menjelang akhir tahun ini," katanya.

## KPDNHEP Johor jamin bekalan ayam cukup, harga terkawal

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor memberi jaminan bahawa bekalan ayam di negeri ini mencukupi dan tidak berlaku sebarang manipulasi harga menjelang perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Thing Han berkata, sebelum ini, pihaknya ada menerima aduan di peringkat runcit apabila harga ayam telah dinaikkan sehingga RM10 sekilogram.

Bagaimanapun, katanya, KPDNHEP telah membuat tindakan penguatkuasaan dan ayam kini dilihat dijual pada harga RM8.90 sekilogram seperti ditetapkan kerajaan.

"Jadi kita mohon kerjasama peniaga, syarikat terbabit dan pasar raya untuk bantu Keluarga Malaysia dan bangsa Johor untuk tidak menaikkan harga.

"Pengguna pula boleh buat aduan jika ada pihak yang menaikkan harga," katanya selepas



**THING HAN (kiri)** memantau bekalan selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 di Johor Bahru kelmarin.

melakukan tinjauan barang keperluan sempena pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 di sebuah pasar raya di sini kelmarin.

Thing Han turut memaklumkan seramai 200 penguat kuasa KPDNHEP Johor akan meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan harga barangan kekal stabil.

PELITUP MUKA 'CAP AYAM', SELAMATKAH KITA?

# 20 peratus gagal ujian Sirim

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mahaizura Abd Malik  
 am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Fakta yang wajar meng-gusarkan ramai pihak susulan lambakan pelitup muka 'cap ayam' dijual di pasaran yang tidak kalis terhadap virus Covid-19.

Ini dibuktikan apabila lebih 20 peratus daripada lebih 200 sampel pelitup muka pelbagai jenama yang diambil dari seluruh negara gagal melepasi ujian dilakukan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum ini mengumpul 200 sampel pelitup muka pelbagai jenama sejak tahun lalu sebelum dihantar ke Sirim untuk menjalani uji kaji.

Malangnya banyak pelitup muka terbabit gagal memenuhi standard minimum ditetapkan Sirim.

Sumber KPDNHEP berkata, lebih mengejutkan apabila hampir kesemua pelitup muka diedarkan selebriti tanah air tidak mendapat kelulusan Sirim sebelum diedarkan ke pasaran.

Menurutnya, ini sekaligus mencetuskan tanda tanya berikutan ada antara pelitup muka dijual itu ditetapkan pada harga 'kayangan' berbanding pelitup muka de-



ADA antara pelitup muka dijual itu ditetapkan pada harga 'kayangan' berbanding pelitup muka dengan kualiti sama.

ngan kualiti sama.

"Ada pelitup muka tidak berkualiti ini dibawa masuk dari luar negara dalam kuantiti besar sebelum dibungkus semula untuk pasaran tempatan tanpa melalui pemeriksaan Sirim.

"Pelitup muka ini mudah

dikenal pasti berikutan kotak jualannya tidak terdapat ciri-ciri keselamatan label kod QR dikeluarkan oleh Sirim," katanya.

Menurutnya, Menteri KPDNHEP Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini berkata, Sirim

QAS International Sdn Bhd berjanji akan memberikan harga yang paling rendah kepada pengeluar dan pengimport bagi mendapatkan perakuan MS SIRIM.

"Pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Mu-

**PROSEDUR PELITUP MUKA MELALUI UJIAN KETAT SIRIM**

- 1 Proses audit kilang untuk memeriksa sistem pengurusan kualiti dan proses pengeluaran pelitup muka.
- 2 Ujian Microbial Cleanliness Test bagi menentukan pencemaran mikroorganisma pada pelitup muka dihasilkan.
- 3 Ujian menapis partikel menggunakan mesin Bacterial Filtration Efficiency Tester atau Particle Filtration Efficiency Tester.
- 4 Ujian tekanan pernafasan bagi mengetahui jumlah udara yang keluar masuk melalui pelitup muka.
- 5 Ujian ketahanan tali penyambung pelitup muka.
- 6 Kelulusan dan label kod QR akan diberikan kepada syarikat yang pengilang yang melepasi semua ujian ini.

BERIKUTAN **Metro**

liti ditetapkan kerajaan.

Ternyata kebimbangan itu berasas apabila Ketua Jabatan Persijilan Produk dan Pemeriksaan Sirim Qas International Sdn Bhd (Sirim Qas), Md Adha Katni@Rahmat mendedahkan, kira-kira 20 peratus daripada lebih 200 sampel pelitup muka pelbagai jenama yang diambil dari seluruh negara ini tidak memenuhi standard minimum yang dikehendaki.

"Ujian ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selama lebih empat bulan tahun lalu. Dapatan kajian kita mendapati 20 peratus daripada lebih 200 sampel pelitup muka itu tidak memenuhi standard dan kebanyakannya pelitup muka bukan perubatan.

"Mungkin boleh dikatakan ini antara punca virus ini masih menular tetapi pelitup muka bukan satu-satunya punca penularan dan ada banyak faktor lain.

"Cuma secara logiknya, kalau pakai pelitup muka yang tidak berfungsi mengikut standard tidak berguna juga kerana ia tetap mendedahkan kita kepada risiko jangkitan," katanya.

Mengulas mengenai jumlah syarikat pengeluar yang mendapatkan label Sirim Qas, Md Adha berkata, sehingga kini pihaknya mengeluarkan persijilan pelitup muka untuk perubatan dan industri kepada 30 syarikat.

ka Bukan Perubatan bermula 1 Januari tahun depan akan memastikan semua pelitup muka memenuhi kua-

# Mansuhkan AP ayam

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR, OMAR ZIN, AHMAD FADHLULLAH ADNAN dan ARIF AIMAN ASROL**  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu segera memansuhkan permit import (AP) ayam yang didapati banyak mencetuskan pelbagai masalah termasuk menjejaskan industri ternakan tempatan.

Mekanisme tersebut bukan

- Mudah disalah guna seperti kereta import
- Jejas industri ternakan tempatan

sahaja membuka ruang disalahgunakan oleh pihak berkepentingan untuk mengaut keuntungan atas angin seperti berlaku dalam perniagaan kereta import, malah ia tidak langsung membantu untuk menurunkan harga ayam dalam pasaran pada masa ini.

Selain merugikan negara dari segi tukaran wang asing, ayam import yang telah diproses dalam bentuk sejuk beku itu turut di-

ragui kualitinya serta pematuhan piawaian standard halal.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Koperasi Generasi Transformasi Ruminan, Nordin Mat menegaskan, pemberian AP tidak akan menyelesaikan isu kartel, sebaliknya memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu untuk memonopoli pasaran jualan ayam.

Katanya, masalah kartel ayam berlaku selama ini berpunca aki-

bat pengagihan AP tidak telus apabila diberi kepada syarikat tiada berkelayakan demi mengaut keuntungan atas angin.

“Isu kenaikan harga ayam tidak akan berlaku jika tiada pihak yang memonopoli pasaran sehingga perkara itu membebaskan kehidupan rakyat kerana terpaksa membeli pada harga lebih tinggi.

**Bersambung di muka 2**



Kalau ada, 40 ladang tidak akan ditutup

# Penternak nafi wujud kartel ayam

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
fadhlullah.adnan@mediamajlia.com.my

**PETALING JAYA:** Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menafikan kewujudan kartel yang menguasai rantaian industri ayam negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, ia merupakan dakwaan yang tidak berasas dan tidak adil sama sekali terhadap golongan penternak.

Katanya, penternak tidak akan menanggung kerugian sekiranya wujud kartel seperti yang didakwa itu.

"Industri ayam ini kalau ada kartel kenapa kita rugi? Itu satu persoalan yang saya tanya. Sepatutnya kalau ada kartel semua kena untung."

"Cakap (wujud) kartel itu tak logik. Fakta apa yang diambil bahawa industri ini ada kartel? Ini menimbulkan satu isu yang tak menyenangkan hati orang terutamanya penternak.

"Sudah lebih 40 ladang (ayam) tutup, sepatutnya orang tak akan tutup ladang kalau ada kartel. Tuduhan itu tak ada asas sama sekali, kalau pakai cakap saja, saya pun boleh cakap. Banyak isu tak selari dengan apa yang berlaku di industri," kata beliau ketika dihubungi, semalam.

Isnin lepas, akhbar ini melaporkan, sebanyak lima kartel didakwa memonopoli sektor penting makanan negara bernilai RM10 bilion setiap ta-

**“**Industri ayam ini kalau ada kartel kenapa kita rugi? Itu satu persoalan yang saya tanya. Sepatutnya kalau ada kartel semua kena untung.”

**JEFFREY NG**

hun itu, sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Campur tangan politik dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternakan ayam di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Malah *Utusan Malaysia* difahamkan, kegagalan menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri ternakan ayam juga dikaitkan dengan campur tangan ahli politik.

Mengulas lanjut, Jeffrey berkata, isu berkaitan ayam menjadi kritikal ketika ini disebabkan operasi yang lebih tinggi berbanding harga siling yang ditetapkan terutama pada peringkat ladang.

Katanya, ini kerana kos makanan ternakan ketika ini terutamanya jagung meningkat, namun harga kawalan itu ditetapkan sebelum berlakunya peningkatan tersebut.

"Kita sendiri dapat lihat apabila harga minyak sawit meningkat melebihi RM7,000 satu tan metrik, walhal sebelum peperangan Rusia-Ukraine atau sekatan pergerakan, ia cuma RM2,000 lebih dan paling tinggi hanya mencecah RM4,000.

"Perang itu melibatkan Belarus, Ukraine dan Rusia yang menjadi pengeksport terbesar minyak matahari, jagung, kacang soya dan gandum (digunakan dalam dedak ayam).

"Tambahannya, Belarus dan Russia adalah pengeksport makanan ayam kelapan, kesembilan dan kesepuluh terbesar. Apabila ketiga-tiga negara tidak ada eksport, maka kekurangan di peringkat dunia akan terlihat dan itu satu impak dalam rantaian makanan," jelasnya.

Dalam pada itu, Jeffrey mengakui terdapat bantuan subsidi kerajaan namun banyak penternak berdepan masalah terutama berkaitan pendokumentasian bagi mendapatkannya.

"Kira-kira 65 peratus penternak berusia lebih 55 tahun, jadi mereka ini warga emas. Bila panggil buat dokumentasi, kebanyakan mereka kurang upaya untuk sediakan dokumentasi. Banyak penternak mengadu tak dapat subsidi.

"Bukan mahu katakan kerajaan tak bagi subsidi, tetapi perlu dipermudah. Sekarang bukan sahaja nak ternak ayam, tetapi kena buat dokumentasi tambah lagi subsidi yang tak cukup dengan kenaikan harga barang ketika ini," ujarnya.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.80
• Daging Lembu Tempatan	RM39
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.60
• Ikan Kembung	RM11.90
• Minyak Masak	RM6.35
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.49
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM12.90
• Kubis Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandum	RM 2.25

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN-EP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHMAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI KPDNHEP)**

---

**28 APRIL 2022 (KHAMIS)**

## Kartel: MyCC kunci mulut

**PETALING JAYA:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) enggan mengulas berhubung siasatan terhadap isu persaingan dalam industri ayam dan telur berikutan arahan yang diterima daripada Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap suruhanjaya itu berkata, MyCC mengambil maklum berkenaan dakwaan wujud kartel dalam industri ayam yang dilaporkan

akhbar ini, Isnin lalu.

Bagaimanapun, katanya, suruhanjaya itu tidak dapat memberikan sebarang penjelasan terhadap siasatan yang sedang dilakukan di bawah satu pasukan khas yang ditubuhkan di bawah Akta Persaingan 2010.

"Melalui Siaran Media bertarikh 9 Mac dan 8 April lepas, MyCC mengumumkan bahawa penyiasatan MyCC dalam isu ini sedang berjalan lancar, yang termasuk menjalankan aktiviti serbuan dan pengambilan penya-

taan perusahaan dan individu yang berkaitan.

"Kami juga mendapat kerjasama dari pelbagai pihak termasuk ada yang mahu bekerjasama untuk memberi maklumat penting supaya mereka mendapat kelonggaran.

"Memandangkan bahawa penyiasatan MyCC terhadap isu persaingan dalam industri ayam masih berjalan, MyCC tidak dapat memberi komen untuk menjaga integriti penyiasatan," jelas jurucakap itu, semalam.

## Ministry probing poultry industry cartel claims

**NILAI:** The Malaysia Competition Commission (MyCC) is probing allegations of political interference in cartels in the poultry industry. Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said a report was needed to determine the validity of the claims. "This needs a thorough investigation. We cannot be too quick and say there are cartels. I can't rule out or confirm it. Wait for the MyCC report. This does not only involve my ministry, but other ministries as well as it is related to supplies," he said on Tuesday. Earlier, he launched the Aidilfitri price control scheme and Jualan Malaysia Rancak Aidilfitri programme here. A newspaper had claimed that cartels dominate the poultry industry due to political interference. **Bernama**